

GPMS kemuka cadangan tangani kos sara hidup

Kuala Lumpur: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mahu isu kos sara hidup membatikan golongan berpendapatan rendah ditangani dengan segera bagi meringankan beban mereka, terutama ketika sesi persekolahan baharu bermula.

Presidennya, Zambri Mohd Isa, berkata kesan itu semakin dirasakan oleh ibu bapa apabila menjelang sesi persekolahan kerana harga barangan keperluan sekolah yang meningkat secara mendadak berbanding tahun sebelumnya.

Sehubungan itu, katanya, GPMS mengesyorkan beberapa cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam meringankan bebanan khususnya golongan berpendapatan rendah.

Beliau berkata, antara cadangan itu, pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana tinggi dan ke atas dikenakan sejumlah

caj berpatutan bagi pinjaman buku teks, agar wang itu boleh disalurkan semula kepada pelajar yang datang daripada golongan berpendapatan rendah.

"Ketika ini, skim pinjaman buku teks diberikan secara percuma kepada semua pelajar tidak kira latar belakang pendapatan keluarga. Oleh itu, KPM boleh memperhalusi pelaksanaan cadangan ini," katanya dalam suatu kenyataan media yang dikeluarkan di sini, baru-baru ini.

Permohonan rayuan

Zambri berkata, pihak GPMS juga dimaklumkan bahawa bantuan RM100 hanya diberikan kepada pelajar yang mempunyai ibu

bapa atau waris berpendapatan RM3,000 dan ke bawah serta warganegara Malaysia.

"Oleh itu, GPMS ingin mencadangkan agar ibu bapa atau waris dibenarkan untuk mem-

buat permohonan rayuan atau pihak sekolah mengenal pasti ibu bapa atau waris tertentu untuk diberi ruang untuk mendapat bantuan RM100.

"Ini kerana terdapat waris atau ibu bapa yang pendapa-

tannya sedikit melebihi daripada RM3,000 namun mempunyai bilangan anak yang ramai ditambah pula dibebani kos sara hidup yang tinggi kerana tinggal di kawasan bandar.

"Sehubungan itu, KPM harus membuka ruang rayuan supaya

pemberian bantuan RM100 itu dapat meringankan bebanan ibu bapa dan waris pelajar," katanya.

Wujud jawatankuasa khas

Beliau berkata, GPMS juga ingin mengesyorkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa khas pada peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) untuk memantau harga makanan dan minuman di sekolah.

"Langkah ini penting supaya pengusaha kantin tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga makanan dan pada masa sama mengurangkan kualiti dan kuantiti makanan," katanya.

Beliau berkata, GPMS juga mencadangkan agar pihak sekolah menyediakan tabung khas untuk masyarakat memberi sumbangan kepada pelajar yang memerlukan khususnya sumbangan oleh alumni sekolah.



Zambri Mohd Isa